

06 DEC 1996

Mahathir-Islam

NEGARA-NEGARA ISLAM BOLEH BERBAIK DENGAN ISRAEL, KATA PM

Oleh: Zulkefli Salleh

MADINAH, 6 Dis (Bernama) -- Negara-negara Islam tidak seharusnya berperang dengan Israel atau sesama sendiri dalam mencari penyelesaian kepada masalah Arab-Israel, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata sejarah Islam menunjukkan orang Islam dan Yahudi tidak bermusuhan berhabis-habisan sehingga mereka tidak boleh berbaik-baik sama-sekali.

"Kita harus memperhitungkan baik buruknya kita berperang dalam menyelesaikan masalah Arab-Israel," katanya pada satu majlis perjumpaan dengan pelajar-pelajar Malaysia di sini.

Dr Mahathir berkata semasa kerajaan Islam Sepanyol (Andalusia), orang Yahudi memilih untuk tinggal di negara-negara Islam apabila kerajaan Kristian mengambil alih kuasa di negara itu.

Katanya Malaysia berpendirian tidak akan mengadakan apa-apa hubungan dengan Israel selagi rejim berkenaan tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian perdamaian dengan pihak Arab.

Malaysia menganggap penubuhan Israel oleh pihak Barat dengan mengambil tanah Arab, sebagai tidak adil dan zalim, kata beliau.

Perdana Menteri berkata pendirian Malaysia tidak sekeras negara-negara Islam tertentu kerana ia percaya masalah Arab-Israel dapat diselesaikan melalui jalan perdamaian dan tidak semestinya melalui peperangan.

Katanya Presiden Yaser Arafat telah meminta pandangan beliau sebelum menandatangani perjanjian damai dengan Israel dan Perdana Menteri menyokong langkah pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) itu.

"Kita tidak mahu menyuruh orang berperang sedangkan kita hanya menepuk tangan dan orang lain yang mati," katanya ketika menjawab pertanyaan seorang pelajar tentang sikap Malaysia berhubung masalah di Asia Barat.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Arab Saudi juga ditanya tentang pendirian kerajaan terhadap pendidikan agama dan Wawasan 2020 serta perpaduan umat Islam khususnya di Malaysia.

Beliau berkata golongan berpendidikan agama diakui kerajaan mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya dalam agenda pembangunan negara.

"Golongan berpelajaran agama adalah sauh supaya kita tidak lupa daratan dalam mengejar kemajuan dan pembangunan," kata beliau.

"Kita mahu menguasai ilmu dan kemajuan seperti dicapai oleh Barat tetapi kita tidak akan mengetepikan agama sehingga menjadi lupa daratan dan bersikap sains boleh menjawab semua persoalan manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata peradaban Barat kini di ambang kehancuran kerana mereka mengetepikan nilai-nilai agama dan Malaysia tidak harus mengulangi kesilapan itu.

Beliau juga mengingatkan golongan berpendidikan agama supaya menghormati dan bekerjasama dengan golongan yang menguasai ilmu-ilmu dalam bidang lain.

"Janganlah kita bersikap mudah menidakkan keislaman orang lain apabila berlaku perbezaan pendapat dalam mengendalikan masalah dan kepentingan Ummah," katanya.

Ajaran Islam menggalakkan umatnya bermesyuarawah bagi menyelesaikan masalah mereka, kata beliau.

Kepada permintaan bantuan komputer untuk pelajar Malaysia di Arab Saudi, beliau berkata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak akan diminta menimbangkannya.

Terdahulu Perdana Menteri menziarahi Masjid Kiblatain di sini, tempat Nabi Muhammad mendapat wahyu untuk menukar kiblat umat Islam dari Masjid Al-Aqsa di Baitul Muqaddis kepada Kaabah di Makkah.

Beliau juga menziarahi Masjid Quba di sini, masjid pertama dibuka oleh Nabi Muhammad dan melawat Bukit Uhud, tempat peperangan yang menyaksikan kekalahan umat Islam kerana tamak harta dan terlalu yakin.

Beliau kemudian dijadualkan berlepas ke Riyadh, ibu kota diraja untuk meneruskan lawatan sebelum ke Makkah untuk menunaikan Umrah.

Di Riyadh malam ini, Perdana Menteri, pada hari kedua lawatannya, diraikan pada majlis makan malam oleh Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz Al Saud.

Dr Mahathir dan Putera Mahkota Abdullah akan mengetuai perwakilan masing-masing untuk perbincangan dua hala termasuk bagi meneroka bidang-bidang baru kerjasama dan merapatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara. -- BERNAMA

ZKS RN NMO